

## NEWS CLIPPING

EVENT:	7-ELEVEN HARGAI PEMINAT SLURPEE
PUBLICATION:	BERITA HARIAN
PAGE/ SECTION:	BUSINESS
DATE:	SATURDAY, 7 NOVEMBER 2015
TIME:	-

# 7-Eleven hargai peminat Slurpee

**Pelanggan** minuman Slurpee dari rangkaian kedai serbaneka, 7-Eleven, berpehuang memenangi pelbagai hadiah menarik termasuk iPhone 6, Ipad Mini dan Ipod Shuffle menerusi kempen 'Bring Your Own Cup Day 2015' (BYOC 2015).

Kempen bermula 7 pagi hingga 11 malam hari ini dan esok itu membolehkan pelanggan yang berbelanja RM2.90 bagi secawan Slurpee di lebih 1,800 cawangan 7-Eleven di seluruh negara, layak menyertai kempen bergambar berkenaan.

**Hargai pelanggan setia**  
"Anggaplah ini cara 7-Eleven Malaysia meraikan tidak hanya hari lahir anda, tetapi lebih penting adalah pelanggan setia kami," kata Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven, Gary Brown dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, tarikh 7/11 adalah istimewa kepada

7-Eleven dan secara tradisinya syarikat menghargai peminat dengan membolehkan mereka menikmati minuman paling digemari, Slurpee dengan cara yang unik.

### **BYOC 2015 dua hari**

"Namun, sebagai bonus istimewa kepada semua tahun ini, kami memutuskan untuk menganjurkan BYOC 2015 selama dua hari pada hujung minggu ini dalam usaha kami untuk membolehkan semua meraikannya bersama 7-Eleven."

Bagi menyertai kempen itu, pelanggan perlu membawa cawan paling kreatif dengan ukur lilit tidak melebihi 22 sentimeter bagi mengisi perisa minuman Slurpee sebelum mengambil foto untuk dimuat ke laman Facebook 7-Eleven Malaysia.

Sebelum itu, peserta perlu 'like' laman Facebook 7-Eleven Malaysia dengan hashtags #7ElevenMy #BYOCupMy.



**Brown menghargai pelanggan** dengan melancarkan kempen 'Bring You Own Cup Day 2015'.